



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2014/10/86 (HQ)

PERPINDAHAN KEDAI TENAGA TNB SUBANG JAYA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan bahawa Kedai Tenaga TNB di Subang Jaya yang kini berada di SS15 akan berpindah ke lokasi yang baharu di USJ10 mulai 20 Oktober 2014 (Isnin).

“Perpindahan ini merupakan sebahagian dari usaha kami mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada para pengguna,” kata Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna) Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Kamaliah Abdul Kadir.

“Lokasi yang baharu ini merupakan pusat henti bagi semua permohonan dan pembayaran bekalan elektrik, informasi bagi keselamatan elektrik, tenaga lestari, produk dan perkhidmatan TNB bagi pengguna,” katanya.

Pejabat ini akan mula beroperasi di lokasi baharu di alamat seperti berikut:-

**WISMA TNB,
JALAN USJ 10/1A, USJ 10,
47620 SUBANG JAYA, SELANGOR
(KOORDINAT GPS : 3.049889 : 101.583386)**

Pejabat ini boleh dihubungi di nombor **talian am** dan faks yang baharu masing-masing di **03-80229600** dan **03-80229666**.

“Kami memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesulitan yang timbul sepanjang proses pemindahan ini. Untuk maklumat lanjut, pengguna dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi TNB di www.tnb.com.my,” kata Ir. Kamaliah lagi.

Ketika ini, TNB mempunyai lebih 180,000 pelanggan berdaftar di kawasan Subang Jaya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Oktober 2014

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-2662296) atau
Maizatul Nadiyah Saadon (017-3816602)*